

RINGKASAN NOTA PRIVASI *Pelanggan Di Gedung*
Perkara 13 Peraturan (EU) 2016/679 *Peraturan Perlindungan Data Am*

Data yang akan anda berikan kepada kami dengan mengisi borang ini (contohnya, gelaran, nama, nama keluarga, alamat e-mel, nombor telefon, tarikh lahir, julat umur, alamat, negara kediaman, kewarganegaraan) akan diproses oleh syarikat FENDI RETAIL di mana anda membuat pembelian, dalam kapasiti mereka sebagai Pengawal Data bebas (data yang berkenaan boleh didapati dalam Notis lengkap) untuk mengurus pembelian anda dan perkhidmatan yang berkaitan (dan juga untuk bantuan selepas penjualan) serta oleh FENDI S.r.l. untuk **membolehkan anda menyertai program kesetiaan kami dan mengakses perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan khusus untuk ahli berdaftar.**

Selanjutnya, **jika anda ingin memberikan kebenaran anda**, FENDI S.r.l. mungkin menggunakan data anda, termasuk data berkaitan dengan pembelian anda (contohnya, butik di mana produk dijual, bilangan, jenis dan harga produk yang dibeli), data yang akhirnya dimaklumkan kepada FENDI oleh penjual semula sah pihak ketiga dan/atau data yang diberikan oleh anda apabila melawat Gedung Fendi (misalnya, umur, produk kegemaran, warna dan bahan, stail, hobi, negara yang paling kerap dilawati, saiz), untuk:

- **memahami lebih mendalam tentang perilaku pembelian dan pilihan anda, agar dapat menyesuaikan penawaran produk dan perkhidmatan kami** dalam dunia Fendi dan menawarkan layanan yang khusus buat anda di setiap Gedung Fendi;
- **menghubungi anda**, juga dengan menghantar komunikasi yang khusus buat anda (contohnya Surat berita, surat, e-mel, panggilan melalui operator, mesej teks, mesej serta-merta, seperti WhatsApp, WeChat dan rangkaian Sosial secara amnya, post, mesej atau komunikasi mengenai inisiatif di rangkaian sosial, dll) dan memberikan maklumat yang dikemaskinikan kepada anda mengenai produk, perkhidmatan (contohnya kaedah pembelian baharu, penghantaran ke rumah, dll), inisiatif dan acara jenama Fendi, atau supaya anda menyertai tinjauan pasaran. **Sekiranya anda tidak mahu memberikan kebenaran anda, anda masih boleh membeli produk jenama Fendi** dan memanfaatkan perkhidmatan berkaitan yang ditawarkan oleh kami. **Kebeneran anda boleh ditarik balik dengan bebas.**

Secara amnya, data peribadi akan disimpan hanya selama mana yang perlu bagi tujuan data dikumpul. Data anda yang diperlukan untuk menguruskan pembelian anda dan perkhidmatan berkaitan akan diproses selama mana yang perlu untuk mencapai tujuan sedemikian, dan selepas itu, untuk mematuhi keperluan undang-undang yang berkaitan (contohnya keperluan pencukaian dan perakaunan) dan selepas itu data tersebut akan dibatalkan atau dijadikan data tanpa nama.

Untuk kesetiaan pelanggan, data anda akan diproses sepanjang tempoh anda mendaftar diri untuk program kesetiaan kami.

Pemprosesan data yang dikumpul bagi tujuan menghubungi anda, serta untuk menghantar komunikasi yang disesuaikan untuk anda mengenai produk, perkhidmatan dan acara kami dan untuk menyertai tinjauan pasaran dan mengetahui pilihan anda, adalah berdasarkan kebenaran yang anda berikan kepada kami, yang walau apa pun boleh ditarik balik pada bila-bila masa. Merujuk secara khusus kepada data yang dikumpul bagi tujuan mengetahui perilaku dan pilihan anda, data ini akan disimpan bagi tempoh maksimum 7 tahun. Jika kebenaran dibatalkan, atau, mengikut keadaan, apabila tempoh yang disebut di atas luput, data akan dipadamkan atau dijadikan data tanpa nama.

Sila ambil maklum bahawa dengan menghantar e-mel kepada customerprivacy@fendi.com anda sentiasa boleh menarik balik pendaftaran anda dengan program kesetiaan kami, mengakses data peribadi anda, mengemaskinikan dan memadamkan data peribadi anda, menarik balik atau mengubah kebenaran yang anda berikan kepada kami, dan menerima atau meminta supaya data anda dihantar kepada pengawal data yang lain. Selanjutnya, anda boleh pada bila-bila masa membantah pemprosesan data peribadi anda bagi tujuan pemasaran dan/atau bagi tujuan menganalisis pilihan anda; anda berhak membuat aduan dengan Pihak Berkuasa Perlindungan Data Itali (www.garanteprivacy.it) atau, jika berbeza, dengan pihak berkuasa

pengawalseliaan Negara Ahli di mana anda biasanya menetap, di mana anda bekerja atau di mana pelanggaran dikatakan berlaku.

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut, sila baca teks lengkap Notis Privasi Lengkap *Pelanggan di Gedung* di bawah dan di Gedung atau di www.fendi.com.

NOTIS PROVASI LENGKAP *Pelanggan di Gedung*
Perkara 13 Peraturan (EU) 2016/679 *Peraturan Perlindungan Data Am*

a) Siapakah yang memproses data peribadi anda:

- Fendi Fashion (Malaysia) Sdn Bhd, dengan pejabat berdaftar di Suite 21.01, The Gardens South Tower, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia, Daftar Syarikat no. 566844 - W, nombor telefon 1800818155, alamat e-mel: customercare@fendi.hk (selepas ini "**FENDI RETAIL**"), adalah syarikat yang mengendalikan penjualan produk jenama Fendi di negara anda, dan dalam kapasitinya sebagai Pengawal Data, mengumpul dan memproses data peribadi anda, selaras dengan Peraturan (EU) 2016/679 *Peraturan Perlindungan Data Am* ("**Peraturan**") bagi tujuan no. 1), 2) dan 3) seperti yang dibentangkan dalam perenggan b) di bawah.
- FENDI S.r.l., dengan pejabat berdaftar di Palazzo della Civiltà, Quadrato della Concordia n.3, 00144, Rome (RM), Italy, Kod Fiskal, Nombor VAT dan Daftar Syarikat Rome no. 00900541004, nombor telefon + 39 06 334501, alamat e-mel: customerprivacy@fendi.com (selepas ini "**FENDI**"), dalam kapasitinya sebagai Pengawal Data, mengumpul dan memproses data peribadi anda, selaras dengan Peraturan bagi tujuan no. 4), 5), 6) dan 7) seperti yang dibentangkan dalam perenggan b) di bawah.

b) Bagaimanakah kami mengumpul dan mengapa kami memproses data anda:

Data yang anda berikan kepada kami:

- dengan mengisi borang ini dan mungkin butir-butir fiskal anda (contohnya kod fiskal/nombor VAT, jika perlu untuk bebas cukai atau penginvoisan) dan data yang diperlukan untuk menghantar produk yang dibeli oleh anda (alamat penghantaran),
- data berkaitan dengan pembelian anda atau data yang diberikan oleh anda berkaitan dengan pembelian anda atau data yang diberikan oleh anda apabila anda melawat gedung Fendi (contohnya produk, warna dan bahan kegemaran, gaya, hobi, negara paling kerap dilawati, saiz), dan
- data yang akhirnya dimaklumkan kepada FENDI oleh penjual semula sah pihak ketiga akan diproses, mengikut keadaan, untuk:
 1. menguruskan penjualan produk jenama Fendi dan memenuhi kewajipan kami dan melaksanakan hak kami – meskipun di mahkamah – yang berbangkit daripada kontrak jualan;
 2. memenuhi kewajipan undang-undang kami yang berbangkit daripada undang-undang, peraturan, undang-undang EU dan kewajipan yang berkenaan yang ditetapkan oleh peraturan dalaman (contohnya tentang pencukaian, perakaunan, pengubahan wang haram dan penipuan, audit dalaman);
 3. menguruskan perkhidmatan berkaitan dengan pembelian anda, dan juga bantuan selepas jualan (contohnya perkhidmatan Penjagaan Pelanggan, pengurusan pulangan produk, dll.);
 4. memberikan kepada anda akses kepada semua perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan khusus oleh FENDI kepada ahli berdaftar program kesetiiaannya, seperti: menguruskan pembelian anda dengan lebih pantas; menikmati, bergantung kepada inisiatif/kempen yang dijalankan dari semasa ke semasa oleh FENDI, manfaat dan perkhidmatan percuma (contohnya pengalaman membeli-belah peribadi, 'tailoring', penghantaran ke rumah, alat dan/atau diskaun pada hari jadi anda dan/atau berdasarkan ambang pembelian anda; dan melihat profil dalam talian anda – jika anda

- ingini – dan juga sejarah pembelian anda di Gedung-gedung Fendi dan ‘Wish Lists’ yang diwujudkan untuk anda di gedung;
5. menganalisis minat, pilihan dan perilaku pembelian anda, dan juga, berdasarkan data yang diberikan oleh anda apabila melawat dan membeli-belah di Gedung-gedung Fendi di Itali dan di luar negara dan di laman web Fendi, untuk membolehkan FENDI menyesuaikan penawaran produk dan perkhidmatannya dan membolehkan anda menerima layanan yang disesuaikan untuk anda di setiap Gedung Fendi;
 6. memberikan maklumat kemas kini kepada anda dengan menghantar bahan promosi kepada anda, yang juga disesuaikan untuk anda (contohnya melalui surat, e-mel, panggilan melalui operator, mesej teks, mesej serta-merta, seperti WhatsApp, WeChat dan rangkaian Sosial secara amnya, post, mesej atau komunikasi mengenai inisiatif di rangkaian sosial, dll) mengenai produk jenama Fendi (misalnya pakaian, barangan kulit, aksesori, kediaman, dll), perkhidmatan dunia Fendi (contohnya cara pembelian, penghantaran ke rumah, dll.), inisiatif dan acara yang dianjurkan oleh FENDI atau yang disertai oleh FENDI (misalnya pembukaan gedung FENDI baharu), serta meminta anda menyertai tinjauan pasaran (untuk memahami lebih mendalam tentang minat anda dan mempertingkatkan penawaran kami);
 7. menghantar Surat Berita kami kepada anda tentang produk jenama FENDI.

Asas undang-undang bagi pemprosesan data peribadi anda adalah, mengikut keadaan (i) untuk melaksanakan kontrak dan memenuhi obligasi yang diperuntukkan oleh undang-undang dan peraturan bagi tujuan no. 1, 2, 3 dan 4, selaras dengan perkara 6 perenggan 1, huruf b) dan c) Peraturan, dan (ii) kebenaran yang mungkin diberikan oleh anda kepada kami, bagi tujuan no. 5, 6 dan 7, selaras dengan perkara 6, perenggan 1, huruf a) Peraturan.

Walau apa pun, pemprosesan akan dilakukan dengan mematuhi keputusan Pihak Berkuasa Perlindungan Data Itali yang berkenaan (“**Pihak Berkuasa**”) – dan susulan pengemaskinian dan/atau pindaan - (antaranya Keputusan mengenai ‘*Loyalty Cards and Safeguards for consumers: Guidelines applying to loyalty programs – 24 February 2005*’; dan ‘*Guidelines on Marketing and against Spam – 4 July 2013*’) serta dengan mematuhi jaminan dan langkah-langkah yang ditetapkan dalam pemberikuasaan oleh Pihak Berkuasa kepada FENDI bertarikh 22 Disember 2015.

c) Kebeneran anda:

- Untuk mengetahui lebih mendalam tentang minat dan pilihan pembelian anda (untuk mempertingkatkan penawaran produk dan perkhidmatan kami), memberikan maklumat kemas kini kepada anda tentang produk, perkhidmatan, inisiatif dan acara kami, menghantar kepada anda bahan promosi yang disesuaikan khusus untuk anda, atau meminta anda menyertai tinjauan pasaran (tujuan no. 5, 6 dan 7 perenggan b) kami memerlukan kebenaran nyata anda. **Sekiranya anda tidak mahu memberikan kebenaran anda, anda masih boleh membeli produk jenama Fendi** dan menikmati perkhidmatan yang ditawarkan kepada ahli berdaftar (tujuan No. 3 dan 4 perenggan b). **Kebeneran anda boleh ditarik balik dengan bebas** (seperti yang dibentangkan dalam huruf j) dalam Notis Privasi ini) pada bila-bila masa dengan menghantar e-mel kepada customerprivacy@fendi.com; penarikan balik kebenaran anda tidak akan menjejaskan kesahan pemprosesan berdasarkan kebenaran sebelum kebenaran tersebut ditarik balik.

Sila ambil maklum bahawa, jika anda menarik balik kebenaran anda bagi penghantaran maklumat kemas kini, komunikasi promosi atau tinjauan pasaran (tujuan no. 6 dan 7 perenggan b), anda tidak akan lagi menerima sebarang jenis komunikasi. Anda boleh, jika diingini, menarik balik kebenaran anda hanya bagi penerimaan komunikasi melalui cara elektronik (misalnya, surat berita, e-mel, sms, mesej segera), dan bersetuju menerima komunikasi komersial melalui pos atau panggilan melalui operator, jika disediakan, dan begitu juga sebaliknya.

d) Apakah data yang diproses dan apakah data yang diwajibkan

Bagi tujuan yang dinyatakan di atas, FENDI dan FENDI RETAIL akan memproses kategori data peribadi seperti berikut:

- **Butir-butir peribadi** (gelaran, nama, nama keluarga, tarikh lahir, julat umur, kewarganegaraan);
- **Butir-butir hubungan** (negara kediaman, alamat e-mel, nombor telefon mudah alih);
- **Data berkaitan dengan penghantaran barangan** (alamat, nombor telefon, kotak hadiah)
- **Data berkaitan dengan pembelian yang dibuat oleh anda** (butik di mana anda membuat pembelian, bilangan, jenis dan harga produk yang dibeli);
- **Data peribadi tambahan yang berguna untuk menjalankan aktiviti pemasaran dan analisis** (umur, kategori produk kegemaran, warna kegemaran, gaya, jenama lain yang dibeli, hobi, negara yang paling kerap dilawati, bagaimana pelanggan mengenali Fendi, saiz, ukuran, status perkahwinan, bilangan anak, ulang tahun, nota berkaitan dengan pilihan pembelian atau keperluan khas yang dinyatakan oleh pelanggan – contohnya bahan kegemaran), jika anda mempunyai Pembantu Jualan Peribadi, acara Fendi yang disertai oleh anda.

Kami meminta anda memberikan semua data yang diminta sebagai "*mandatori*" (contohnya, nama, nama keluarga, butir-butir hubungan, tarikh lahir, julat umur) sebagaimana yang diperlukan untuk anda mendaftar diri dengan program kesetiaan kami, dan untuk memenuhi kewajipan fiskal/perakaunan kami sekiranya anda meminta invois untuk pembelian anda. Jika data sedemikian tidak ada atau tidak lengkap disusun, pendaftaran anda tidak akan lengkap. Kegagalan untuk menyediakan data yang ditanda sebagai "*pilihan*" (iaitu, data peribadi tambahan yang berguna untuk melaksanakan aktiviti pemasaran dan analisis yang disenaraikan di atas), bererti kami tidak dapat menggunakan data anda bagi tujuan no. 5 dan 6 yang dibentangkan dalam perenggan b) yang telah dibenarkan oleh anda; sebarang kegagalan tidak akan membawa apa-apa kesan terhadap keupayaan anda untuk terus membeli produk kami, tetapi kami tidak dapat memaklumkan anda tentang produk dan perkhidmatan kami, inisiatif dan acara kami atau menganalisis pilihan dan minat anda.

Jika anda memberikan data peribadi pihak ketiga (misalnya, ahli keluarga anda, pelanggan lain atau pelanggan berpotensi) anda hendaklah memastikan bahawa pihak ketiga tersebut dimaklumkan dan telah membenarkan (jika perlu) pemprosesan data mereka selaras dengan notis privasi ini.

e) Bagaimanakah kami memproses data anda:

Data anda akan diproses dengan dan tanpa bantuan peralatan elektronik dan disimpan di pelayan yang terletak di Itali. Khususnya, jika anda memberikan kebenaran anda kepada kami untuk menggunakan data anda bagi tujuan no. 5 dan 6 di atas, data anda akan disusun dan diproses menggunakan kaedah automatik berdasarkan pilihan anda, lalu membolehkan kami mengetahui minat dan kecenderungan anda untuk membeli (contohnya dengan menyemak produk manakah yang telah anda beli), menyesuaikan penawaran produk dan perkhidmatan kami dan memberikan maklumat kemas kini kepada anda tentang produk kami (contohnya koleksi baharu), perkhidmatan (contohnya cara pembelian, penghantaran ke rumah, dll.), inisiatif dan acara (contohnya jemputan ke acara yang dianjurkan oleh FENDI atau yang disertai oleh FENDI), menghantar bahan promosi yang juga mungkin memenuhi citarasa dan minat anda (contohnya jika anda pernah membeli kasut wanita pada masa lalu, kami mungkin menghantar kepada anda katalog wanita kami yang baharu, atau menghantar kepada anda promosi berkaitan dengan produk yang sepadan atau gaya yang sama), atau menghubungi anda untuk menyertai tinjauan pasaran (contohnya melalui temu bual, melalui telefon, e-mel, dll).

Kami ingin memaklumkan bahawa aktiviti analisis kami terhadap data dan pilihan anda bukanlah semata-mata berdasarkan pemprosesan automatik, tetapi sentiasa melibatkan campur tangan dan penilaian oleh pekerja kami yang mengendalikan pemprosesan.

Data akan sentiasa diproses dengan mematuhi perundangan semasa dan walau apa pun, demi menjamin keselamatan dan kerahsiaannya dan untuk mengelakkan pendedahan atau penggunaan, pemindaan atau pemusnahan tanpa kebenaran.

f) Kemasukan data ke dalam sistem CRM (Pengurusan Perhubungan Pelanggan) kami:

Kemasukan data anda ke dalam sistem CRM Fendi – bagi tujuan no. 5) dan 6) dalam perenggan b) di atas – tidak diwajibkan dan hanya akan dilakukan jika anda memberikan kebenaran kepada kami untuk memproses data anda. Kemasukan data anda ke dalam sistem CRM kami bererti data anda mungkin akan dibaca, dimasukkan dan dipinda oleh pekerja dan kakitangan (di pejabat dan gedung) FENDI, FENDI RETAIL dan syarikat runcit lain bagi produk jenama Fendi di Itali dan di luar negara (setiap satu untuk bidang kemahirannya masing-masing) yang diberi kuasa dengan khusus untuk memproses data, selaras dengan perkara 29 Peraturan.

g) Berapa lamakah kami menyimpan data anda:

Secara amnya, data peribadi akan disimpan hanya selama mana yang perlu bagi tujuan data dikumpul.

Bagi tujuan No. 1, 2 dan 3 perenggan b) data anda akan diproses selama mana yang perlu untuk mengurus pembelian anda dan perkhidmatan berkaitan, dan untuk memenuhi kewajipan seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang dan peraturan (contohnya tentang pencucuaian, perakaunan, pengubahan wang haram dan penipuan, audit dalaman); selepas itu data akan dipadamkan atau dijadikan data tanpa nama.

Bagi tujuan no. 4, 5 dan 6 perenggan b) data anda akan diproses, mengikut keadaan, sepanjang tempoh anda mendaftar diri untuk program kesetiaan kami dan berdasarkan kebenaran yang anda berikan kepada kami, yang boleh ditarik balik pada bila-bila masa (seperti yang dibentangkan dalam huruf j) Notis Privasi ini). Merujuk secara khusus kepada data yang dikumpul bagi tujuan No. 5 perenggan b) data akan diproses bagi tempoh maksimum 7 tahun (selaras dengan keputusan Pihak Berkuasa Perlindungan Data bertarikh 22 Disember 2015). Jika kebenaran dibatalkan atau, mengikut keadaan, jika tempoh di atas luput, data akan dipadamkan atau dijadikan data tanpa nama.

Data anda yang diperlukan untuk menghantar Surat berita mengenai projek jenama Fendi (tujuan No. 7 perenggan b) akan diproses sehingga anda meminta pembatalan Surat berita kami; selepas itu data tersebut akan dipadamkan atau dijadikan data tanpa nama.

h) Siapakah yang memproses data anda:

Data anda tidak akan disebar dan akan diketahui oleh orang-orang yang mengendalikan pemrosesan di gedung-gedung Fendi, Jabatan Runcit dan Jabatan-jabatan lain yang ditugaskan untuk mengendalikan pembelian anda dan perkhidmatan berkaitan, serta Jabatan CRM FENDI.

Data anda juga akan diproses oleh syarikat-syarikat yang dilantik sebagai Pemproses Data luar dan berdasarkan pemberikuasaan dan arahan wajar, yang menyediakan perkhidmatan kepada kami untuk menguruskan pembelian atau melaksanakan aktiviti (misalnya audit dalaman) atau perkhidmatan bagi pihak kami dan/atau demi kepentingan kami ^[1].

i) Data anda dipindahkan ke Negara Di luar EU:

Untuk membolehkan kami memberikan perkhidmatan yang disesuaikan untuk anda, dan juga bagi pembelian yang dibuat di gedung-gedung FENDI di luar negara, data peribadi anda mungkin dipindahkan ke negara-negara di luar EU di mana terletaknya gedung-gedung Fendi; senarai gedung-gedung Fendi boleh didapati di www.fendi.com

Selaras dengan perundangan yang berkuat kuasa, kami tidak memerlukan kebenaran khusus daripada anda untuk memindahkan data anda ke negara ketiga kerana pemindahan dibuat berdasarkan pelindung yang sesuai selaras dengan perkara 46 dan 47 Peraturan, seperti penggunaan klausa-klausa kontrak perlindungan data yang standard yang digunakan oleh Suruhanjaya EU, seperti yang berlaku dalam perhubungan dengan syarikat-syarikat runcit yang mengurus Gedung-gedung FENDI di seluruh dunia.

Pemindahan data anda ke mana-mana negara ketiga tambahan, jika perlu, akan dilakukan dengan mematuhi sepenuhnya pelindung, langkah dan hak yang diperuntukkan oleh Peraturan. Dengan membuat permintaan kepada orang hubungan yang dinyatakan dalam perenggan j), anda akan menerima maklumat lanjut mengenai pemindahan data anda dan mengenai pelindung yang disediakan untuk perlindungannya serta mengenai cara untuk mendapatkan sesalinan data atau di mana data boleh diperolehi.

j) Apakah hak anda:

Dengan menghantar e-mel kepada Jabatan CRM FENDI, e-mel customerprivacy@fendi.com, FENDI, Palazzo della Civiltà, Quadrato della Concordia n.3, 00144 - Roma (RM), Italy, anda boleh pada bila-bila masa melaksanakan hak yang diperuntukkan oleh perkara 15 hingga 22 Peraturan, seperti:

- *mendapatkan pengesahan sama ada data peribadi tentang anda diproses atau tidak;*
- *mendapatkan akses kepada data peribadi anda dan kepada maklumat yang dibentangkan dalam Perkara 15 Peraturan;*
- *memastikan data peribadi tentang anda yang tidak tepat akan dibetulkan dengan segera atau melengkapkan data peribadi yang tidak lengkap;*
- *memastikan data peribadi tentang anda dipadamkan dengan segera;*
- *memastikan pemrosesan data peribadi tentang anda disekat;*
- *dimaklumkan tentang apa-apa pembetulan atau pepadaman atau sekatan pada pemrosesan data peribadi tentang anda;*
- *menerima data peribadi tentang anda dalam format yang berstruktur, biasa digunakan dan boleh dibaca mesin ('machine-readable');*
- *membantah pemrosesan data peribadi tentang anda pada bila-bila masa, atas alasan berkaitan dengan situasi khusus anda.*

Khususnya, anda berhak pada bila-bila masa menarik balik kebenaran yang diberikan terhadap pemrosesan dan untuk membantah pemrosesan data peribadi anda terutamanya bagi tujuan pemasaran dan/atau analisis tentang pilihan anda.

Kami ingin mengingatkan anda bahawa, dengan menghantar e-mel kepada customerprivacy@fendi.com anda boleh menarik balik pendaftaran anda dengan program kesetiaan kami pada bila-bila masa.

k) Siapakah yang boleh anda hubungi untuk membuat aduan:

Kami ingin mengingatkan anda bahawa, jika anda menganggap pemrosesan data anda melanggar Peraturan, anda boleh membuat aduan dengan Pihak Berkuasa Perlindungan Data Itali (www.garanteprivacy.it), atau, jika berbeza, Pihak Berkuasa Perlindungan Data Negara Ahli di mana anda biasanya menetap, di mana anda bekerja atau di mana pelanggan dikatakan berlaku.

l) Pegawai Perlindungan Data (DPO):

Anda boleh menghubungi Pegawai Perlindungan Data yang dilantik oleh FENDI di alamat e-mel dpo@fendi.com.

Nota kaki

¹ Data anda mungkin diketahui oleh penerima berikut, sebagai Pemproses Data Luar dan berdasarkan pemberikusaan dan arahan yang wajar:

- (i) syarikat-syarikat runcit yang mengurus gedung-gedung kami di Itali dan di luar negara (jika anda membuat pembelian di gedung-gedung kami);
- (ii) syarikat-syarikat yang menjalankan analisis terhadap pembelian anda bagi pihak kami;
- (iii) syarikat-syarikat yang bertanggungjawab mengurus "Perkhidmatan Pelanggan" Fendi bagi pihak kami;

- (iv)** syarikat-syarikat yang mengendalikan pemprosesan, pengurusan dan penghantaran surat berita dan bahan promosi;
- (v)** syarikat-syarikat yang mengatur dan mengurus penyelidikan pasaran dan soal selidik bagi pihak kami;
- (vi)** syarikat-syarikat yang diamanahkan dengan pengurusan laman web kami dan pangkalan data yang berkaitan;
- (vii)** syarikat-syarikat yang menangani pengurusan dan penyenggaraan teknikal sistem CRM;
- (viii)** syarikat LVMH yang menjalankan, juga demi kepentingan kami, aktiviti audit dalaman berkaitan dengan kepatuhan dengan obligasi yang diperuntukkan oleh undang-undang dan/atau peraturan, termasuk peraturan dalaman.

Nama-nama semua Pemproses Data luar boleh diminta melalui e-mel kepada customerprivacy@fendi.com.